

15/01/2001

Sultan Kedah mahu rakyat bersatu

ALOR STAR, Ahad - Sultan Kedah meminta rakyat, khususnya golongan muda supaya memantapkan perpaduan sebagai persediaan menghadapi cabaran dalam era globalisasi.

Menurutnya cabaran dalam era globalisasi sukar dihadapi tanpa ikatan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat.

"Sesungguhnya cabaran dalam era globalisasi adalah sangat hebat sama ada dari segi ekonomi, perdagangan mahu pun budaya," katanya bertitah pada majlis istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena keputeraannya yang ke-73, di Istana Anak Bukit, di sini hari ini.

Seramai 821 orang termasuk ketua jabatan, kakitangan kerajaan, pemimpin, ahli profesional, ahli perniagaan dan anggota keselamatan dianugerahkan bintang kebesaran sempena sambutan itu tahun ini.

Turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali serta Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Bagaimanapun Sultan Kedah bersyukur kerana perpaduan antara kaum di negeri ini mantap.

Sehubungan itu, katanya, semua pihak perlu terus berusaha memelihara keamanan dan keharmonian kerana kebahagiaan hidup hanya boleh dicapai dalam suasana aman.

Beliau juga meminta kerajaan negeri membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin di bandar atau luar bandar.

Pada majlis itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Shafie menerima darjah kebesaran Datuk Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang membawa gelaran Datuk Paduka manakala pelakon veteran, Mahmood June menerima Datuk Setia Diraja Kedah yang membawa gelaran Datuk.

(END)